

BUKU *Payung Berkembang* oleh Tan Sri Samad Idris ini mempertaut kembali Negeri Sembilan-Minangkabau. Hubungan erat kedua-dua masyarakat satu rumpun ini terputus sejak berabad yang lalu. Penduduk Negeri Sembilan yang hampir keseluruhan berasal dari kepulauan Indonesia, terutama dari Padang, Sumatera, kini bergelar 'perantau'.

Menyedari akan kisah 'perantau' yang menetap di negeri orang inilah Tan Sri Samad Idris sedaya upaya mengeratkan kembali malah seakan ingin menyatukan semula masyarakat Minang di Negeri Sembilan dan di Indonesia khususnya di Padang (tempat asal orang Minang) di bawah payung Adat Perpatih. Namun, 'perantau' yang sudah melahirkan beberapa generasi ini melakukan penyesuaian budaya di 'rantau'nya dan ini membimbangkan Tan Sri Samad Idris sekiranya nanti adat Minang pupus.

"Lapuk-lapuk dikajangi, yang elok dipakai, yang buruk dibuang, kalau singkat minta disambung, kalau koyak minta ditampal, ibu adat masyarakat" (hlm 33) adalah ungkapan masyhur di kalangan anggota masyarakat Minangkabau. Ungkapan yang padat maknanya yang terdapat dalam bab kedua, jelas menunjukkan adat ini segar walau ditelan masa dan suasana, walaupun sistem pemerintahan silih berganti, sistem budaya berubah mengikut sistem ekonomi yang kian canggih dan sistem sosial yang menuju pembinaan moral yang mantap adat yang asal tetap tidak berubah. Ini membuktikan bahawa adat itu tidak membatasi kehidupan tetapi adat itu sendi hidup. Wajar bagi pencinta sejarah dan budaya khususnya anggota masyarakat Minangkabau mengingat adat dan sejarah silam masyarakat asal mereka. Mereka perlu mengetahui nama asal negeri, asal keturunan, asal susur-galur kerajaan dan asal adat yang dijunjung bagi menepati

Payung Berkembang
TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS
Pustaka Budiman, 1990
457 hlm.

maksud sebenar kehidupan manusia hidup ber-sendikan adat. Ini jelas pada perbilangan yang terdapat pada hlm 395.

Mengingati masa lampau bukan bererti pengunduran yang sekadar khayalan, tetapi memberikan suatu manfaat yang besar untuk membina hidup pada masa hadapan.


Selain merapatkan kembali dan memberi kesedaran tentang pentingnya pengetahuan tentang kehidupan Minangkabau, buku *Payung Berkembang* ini mengajak kita meninjau tentang sejarah pemerintahan di Malaysia dan Indonesia. Buku ini bukan sahaja menyentuh perihal adat malah turut menyingkap soal hukum dan rukun pentadbiran kedua-dua negara yang masih mempunyai banyak persamaan sebagai bangsa serumpun. Sebenarnya buku ini boleh dijadikan contoh kepada penulis-penulis lain

supaya menulis tentang hubungan antara negara-negara Asean yang pastinya ada hubung kait dan persamaan. Ini kerana asal negara-negara Asean ini adalah dari serumpun bangsa.

Seperti kebanyakan buku lain, *Payung Berkembang* turut membicara soal wanita. Sesuai dengan tugas sebagai Bundo Kanduang Bonda Kandung (hlm 411), wanita sangat disanjung oleh masyarakat Minang. Malah, ramai beranggapan wanita Minang lebih berkuasa/pemonopoli dalam kehidupan berbanding dengan kaum laki-laki. Buku ini berjaya menganalisis tentang kepentingan sanjungan terhadap wanita hanya melalui perbidalan dan bahasa halus yang sudah sebatian dengan masyarakat Minang. Buku ini juga menyentuh tentang bagaimana penulis menerima pangkat Dato' dan menyandang gelaran tertinggi dalam masyarakat Minangkabau bagi kedua-dua negara, iaitu bintang kebesaran adat Sang Sako yang membawa gelaran Tan Patih Johan Pahlawan dalam satu majlis di Padang sempena mesyuarat Agung Lembaga Kerapatan Adat Alam Minangkabau (bab 31). Ini merupakan penghargaan di atas usaha Tan Sri Samad Idris selama ini yang begitu cinta kepada sejarah dan budaya masyarakat khususnya masyarakat Minangkabau.

Sesungguhnya penghasilan ini bukanlah untuk menunjukkan bahawa Tan Sri Samad Idris ingin membanggakan diri, tetapi beliau dengan rendah hati menyatakan "maka amat berat tangan saya hendak mencatatkan di sini peristiwa yang berlaku kepada diri saya sendiri." (hlm 350). Pada hari pelancaran *Payung Berkembang* (15 Ogos 1990) beliau mengatakan "ia masih dikira belum mencukupi, generasi muda perlu menambahkan lagi." **DB**

ZALINA HJ. ARSHAD



Mengembalikan Minang Yang 'Hilang'

